

01 SEP 1998

TEMURAMAH DNG DR MAHATHIR SECARA LANGSUNG DI RTM PUKUL 3 PETANG

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditemuramah mengenai keadaan ekonomi negara dan akan disiarkan secara langsung oleh RTM melalui TV1 dan TV2 serta semua stesen radionya pukul 3 petang ini.

Seorang pembantu Perdana Menteri berkata Dr Mahathir akan ditemuramah oleh panel yang terdiri daripada Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press Datuk A. Kadir Jasin, Pemangku Editor Eksekutif Bernama Yong Soo Heong dan Pengarah Bahagian Ekonomi Public Bank Berhad Nasaruddin Arshad.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan persidangan berita selepas temuramah itu.

-- BERNAMA

TCL NMO